

## Peranan Visual Reka Bentuk Kulit Buku Terhadap Kemudahbacaan Khalayak

HANAFI MOHD TAHIR  
*Universiti Teknologi Mara*

NORMAH MUSTAFFA  
WAN AMIZAH WAN MAHMUD  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

### ABSTRAK

Setiap penerbitan buku menampilkan rekaan bentuk buku yang tersendiri. Reka bentuk kulit buku memainkan peranan yang penting untuk menghebah, menyampaikan informasi dan maklumat awal kepada setiap khalayak sasaran. Situasi ini telah menyumbang kepada penerbitan, penghasilan dan penampilan reka bentuk kulit buku yang pelbagai dan menarik. Reka bentuk kulit buku menjadi elemen pertama dilihat oleh khalayak ketika proses membelek-belek dan pemilihan buku. Ketika ini khalayak cuba untuk memahami apa sahaja informasi yang terdapat pada reka bentuk kulit buku. Kemudahbacaan pada reka bentuk kulit buku merujuk kepada tafsiran visual ilustrasi atau fotografi yang dilihat sama ada ianya difahami dengan mudah atau sebaliknya. Penggunaan dan pemilihan visual yang baik dapat memudahkan khalayak untuk memahami maksud yang hendak disampaikan dengan pantas. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti peranan visual dalam mempengaruhi kemudahbacaan khalayak. Kaedah yang digunakan ialah perbincangan kumpulan fokus dalam kalangan empat pereka grafik dan empat pensyarah Jabatan Grafik & Media Digital UiTM. Hasil kajian mendapati fotografi pada reka bentuk kulit buku memberi kesan yang baik dalam kemudahbacaan khalayak berbanding ilustrasi. Dapatan kajian yang diperolehi dapat dijadikan panduan kepada penerbit buku dan pereka grafik dalam menghasilkan reka bentuk kulit buku keluaran tempatan yang baik dan berkualiti. Kajian ini juga dapat menyumbang kepada kepentingan sosio-ekonomi negara, industri pendidikan negara dan industri penerbitan buku negara.

**Kata Kunci:** *Reka bentuk kulit buku, visual, ilustrasi, fotografi, kemudahbacaan.*

## The Roles of Visual on Books Cover Design towards Audience Readability

### ABSTRACT

Each book publication features a custom book design. The design of the book cover plays an important role in communicating, disseminating information and preliminary information to each target audience. This situation has contributed to the publication, production and presentation of a variety of attractive sketches. The design of book cover became the first element seen by the audience during the process of book selection. At this point the audience is trying to understand whatever information is available on the design of the book cover. Readability on book cover design refers to visual interpretation of illustrations or photographs seen whether it is understood easily or vice versa. Good selection of visual can make it easier for audiences to understand the intent to communicate quickly. This study aims to identify the visual role in influencing readability of audiences. The method used was a focus group discussion among graphic designers and lecturers of UiTM Digital Graphics & Media Department. The results of the study found that photography on the book cover design had a great impact on the readability rather than the illustrations. The findings of the study can be used as a guide to book publishers and graphic designers in producing good quality

of local book designs. This study also contributes to the socio-economic importance of the country, the national education industry and the national book publishing industry.

**Keywords:** *Books cover design, visual, illustration, photography, readability.*

## PENGENALAN

Di Malaysia, teknologi memainkan peranan yang besar dalam membantu perubahan industri percetakan bahan-bahan bacaan. Teknologi telah memudahkan dan mempercepatkan perjalanan proses penerbitan bahan-bahan rujukan. Perkembangan teknologi telah dapat memacu ke arah perkembangan kemajuan industri penerbitan buku. Proses penerbitan berupaya dilaksanakan dengan mudah dan juga lebih cepat. Hasil penerbitan bahan-bahan bacaan ini penting dalam memberi implikasi yang baik terhadap industri pendidikan khususnya di negara ini. Dengan lambakan pelbagai bahan-bahan bacaan di pasaran masa kini, penerbitan dan penghasilan buku-buku telah memudahkan sasaran khalayak untuk membuat pilihan bahan bacaan yang menjadi keutamaan pembacaannya.

Penerbitan buku-buku boleh diperolehi melalui media cetak dan juga media elektronik. Sehubungan itu, reka bentuk kulit buku memainkan peranan yang penting untuk menghebahkan, menyampaikan informasi serta maklumat awal kepada setiap khalayak sasaran. Situasi ini telah menyumbang kepada penerbitan, penghasilan dan penampilan reka bentuk kulit buku yang pelbagai dan menarik. Satu kajian yang dijalankan oleh Shahril et al. (2017) menyatakan bahawa kepentingan buku-buku yang diterbitkan bukan sekadar melalui proses semakan dan penelitian yang terperinci malah ia memerlukan elemen reka bentuk dan reka letak yang terbaik. Reka bentuk kulit buku menjadi elemen penting sebagai media utama membantu mempromosi dan mempengaruhi khalayak sasaran. Ini amat penting terutama ketika proses khalayak membuat pilihan memilih sesuatu bahan bacaan seperti pemilihan buku. Penampilan setiap reka bentuk kulit buku berupaya membantu khalayak membezakan setiap buku mengikut kategorinya dan membantu kemudahbacaan terhadap buku yang diminati.

Kemudahbacaan adalah aspek penting yang perlu dicapai oleh khalayak pada aktiviti pembacaan. Menurut Mostafa dan Pooneh (2012), khalayak perlu memahami maklumat dengan jelas dan tepat terhadap penceritaan yang hendak disampaikan. Bahan-bahan bacaan terbitan di pasaran seperti buku, majalah, novel, komik dan lain-lain perlu melalui proses penerbitan kerja yang teratur serta teliti. Setiap proses penerbitan bahan bacaan yang hendak dilakukan, perlu melalui peringkat mengenal pasti khalayak sasaran. Justeru itu, setiap bahan penerbitan perlu mengambil kira faktor-faktor awal yang mampu mempengaruhi kumpulan khalayak sasaran.

## KEPENTINGAN REKA BENTUK KULIT BUKU

Setiap buku mempunyai penampilan reka bentuk kulit yang tersendiri. Semasa proses pemilihan sesebuah buku, reka bentuk kulit buku merupakan elemen pertama yang dilihat oleh khalayak sasaran. Fungsi reka bentuk kulit buku bukan hanya melindungi bentuk fizikal buku daripada kerosakan, ia juga bertujuan untuk menghebahkan kehadirannya di pasaran, membezakan siri kategori penerbitan dan melambangkan identiti kepada khalayak sasaran.

Reka bentuk kulit buku juga direka untuk menjelaskan dan menceritakan isi kandungan sesebuah buku. Reka bentuk kulit buku perlu berperanan menjelaskan gambaran awal isi kandungan sesuatu bahan bacaan. Reka bentuk kulit buku juga bertindak

sebagai media penghubung dan pengantara yang baik di antara khalayak sasaran dengan bahan bacaan. Elemen-elemen pada reka bentuk kulit buku melalui tipografi dan visual berperanan untuk berhubung secara langsung dalam menyampaikan maklumat kepada khalayak sasaran. Justeru itu, setiap buku perlu menampilkan reka bentuk kulit buku kepada khalayak sasaran.

Setiap buku perlu mempunyai daya tarikan dan kecenderungan yang dapat mempengaruhi khalayak sasarannya. Menurut Alias Bohari (2006), kulit buku adalah elemen utama pada sesebuah buku dan ia merupakan antara faktor penyebab khalayak terpengaruh dengan sesebuah buku itu. Reka bentuk kulit buku yang baik mampu mencetus motivasi, perasaan ingin tahu dan keinginan khalayak untuk memiliki sesuatu bahan bacaan itu. Justeru itu, tipografi dan visual berperanan penting terhadap reka bentuk kulit buku. Susun atur, reka letak serta penggunaan tipografi dan visual dalam reka bentuk kulit buku perlu bersesuaian, bertepatan dengan konsep, idea serta penceritaan sesebuah buku. Ia berperanan penting dalam menentukan kemudahbacaan khalayak iaitu keupayaan untuk mentafsir, memahami dan menganalisis mesej sesuatu reka bentuk kulit buku. Ini penting agar maklumat yang hendak disampaikan tidak mengelirukan khalayak sasarannya. Terdapat pelbagai reaksi dan persepsi khalayak terhadap penampilan reka bentuk kulit buku di pasaran. Ada yang menganggap ia menarik perhatian dan ada juga yang sebaliknya. Malah ada juga khalayak yang berpendapat bahawa terpengaruh dengan reka bentuk kulit buku telah menjadi suatu fenomena yang lazim berlaku pada masa kini. Ini adalah kerana terdapat lambakan buku-buku di pasaran. Pernyataan ini disokong dengan suatu kajian yang pernah dijalankan oleh Richard dan Caroline (2010) menunjukkan bahawa khalayak sasaran sememangnya menilai buku daripada reka bentuk kulit bukunya. Menurut kajiannya lagi, khalayak sasaran mudah terpengaruh dan tertarik melalui penampilan reka bentuk kulit buku. Justeru itu, banyak reka bentuk kulit buku yang terhasil dan persaingan hebat untuk mempengaruhi khalayak sasarannya. Persaingan mula wujud ketika membuat rekabentuk kulit buku dan ini menjadikan proses pemilihan buku-buku menjadi lebih menarik.

Reka bentuk kulit buku mempunyai kepentingan dalam mempengaruhi khalayak sasarannya. Ia menyampaikan maklumat dan gambaran awal isi kandungan buku kepada khalayak. Kajian yang dilakukan oleh Sharifah (2010) menyatakan bahawa penampilan reka bentuk kulit buku yang baik amat penting untuk mempengaruhi dan menjadi daya tarikan kepada khalayak sasaran. Menurutnya lagi, adalah penting bagi setiap khalayak sasaran memperoleh segala maklumat yang hendak disampaikan melalui reka bentuk kulit buku.

Reka bentuk kulit buku terhasil daripada proses mereka letak dan menyusun atur tipografi serta visual. Visual merupakan elemen penting dalam seni reka grafik di mana ia banyak menyumbang di dalam proses penerbitan sesuatu bahan cetakan seperti buku, majalah, poster dan lain-lain lagi. Penampilan visual melalui teknik ilustrasi dan fotografi merupakan dua teknik yang seringkali digunakan di dalam proses reka letak dan susun atur dalam sesuatu bahan cetakan. Ia berupaya untuk membantu dalam menyampaikan informasi dan mesej agar ia menjadi lebih menarik dan berkesan.

Faktor kekeliruan dan penerimaan khalayak sasaran terhadap sesuatu bahan bacaan seperti buku lazimnya bermula di peringkat awal sejurus ketika melihat dan mengamati reka bentuk kulit bukunya. Justeru itu, tafsiran melalui persepsi mula berlaku dan ia dilakukan melalui tafsiran komunikasi visual. Khalayak sasaran akan melalui tahap penafsiran, pemahaman dan penerimaan maksud melalui visual yang terdapat pada reka bentuk kulit buku. Apa sahaja yang dilihat akan ditafsirkan secara visual pada peringkat awalnya.

Tindakan tersebut antara disedari atau tidak adalah merupakan proses yang seringkali dilalui oleh setiap khalayak sasaran. Ini dilakukan pada setiap kali tindakan pertama khalayak memegang, membelek-belek dan melihat sesebuah buku. Ini sekaligus menjelaskan bahawa reka bentuk kulit buku penting dalam mempengaruhi pemilihan bahan bacaan khalayak sasaran.

#### KEPENTINGAN VISUAL ILLUSTRASI PADA REKA BENTUK KULIT BUKU

Normah & Faridah (2018) menyatakan bahawa penggunaan visual dalam sesuatu berita krisis dapat membantu dan menjelaskan peristiwa yang berlaku kepada khalayak. Dengan adanya visual, ia memudahkan dan membantu pemahaman berita dan memberi kesan positif kepada pembaca supaya boleh mentafsirkan sendiri apa yang terpapar dalam berita berkenaan. Lauren et al. (2006) pula menyatakan bahawa di dalam sesuatu seni visual, penampilan visual ilustrasi dan fotografi merupakan dua elemen visual terpenting digunakan ketika proses merekabentuk sesebuah kulit buku. Dalam industri penerbitan buku, penampilan dan penggunaan visual sama ada menggunakan visual ilustrasi atau fotografi adalah penting. Kedua-dua elemen ini berupaya menghasilkan reka bentuk kulit buku yang lebih menarik. Penyampaian maklumat dan informasi awal mengenai keseluruhan isi kandungan sesebuah buku itu boleh disampaikan dengan lebih menarik dan berkesan kepada khalayak sasaran.

Terdapat beberapa fungsi dan kepentingan menggunakan visual ilustrasi di dalam susun atur dan reka letak pada reka bentuk kulit buku. Berikut dinyatakan kepentingan ilustrasi sebagai visual pada reka bentuk kulit buku:

- a. Visual ilustrasi berperanan memberi hebahan dan gambaran awal sekaligus menjelaskan kepada khalayak sasaran untuk memahami maksud keseluruhan isi kandungan sesebuah buku. Proses untuk memahami keseluruhan isi kandungan tersebut lazimnya terjadi apabila khalayak melihat dan cuba membuat tafsiran terhadap visual ilustrasi yang dilihat pada reka bentuk kulit buku itu.
- b. Visual ilustrasi berperanan mencetus minat, mempengaruhi dan menarik perhatian khalayak sasaran untuk menjalankan aktiviti pembacaan. Ini dapat merangsang dan melahirkan minat dalam kalangan khalayak untuk meneruskan pembacaan dan akhirnya memilih bahan bacaan tersebut sebagai bahan bacaannya.
- c. Visual ilustrasi berperanan untuk membeza-bezakan antara setiap kategori buku melalui penampilannya. Penggunaan dan teknik visual ilustrasi juga berupaya menentukan konsep idea bagi mempengaruhi khalayak. Ini memudahkan proses penerbitan buku bagi menentukan khalayak sasaran kepada buku berkenaan.
- d. Visual ilustrasi berperanan mewujudkan dan mencetus suasana serta tindakbalas terhadap setiap khalayak sasaran yang melihatnya. Konsep dan unsur-unsur seram, dramatik, kesedihan, pengembaraan dan kegembiraan menjadi situasi konsep yang boleh dipersembahkan melalui visual ilustrasi pada reka bentuk kulit buku.

#### KEPENTINGAN VISUAL FOTOGRAFI PADA REKA BENTUK KULIT BUKU

Terdapat beberapa fungsi dan kepentingan visual fotografi pada susun atur dan reka bentuk kulit buku. Berikut dinyatakan kepentingan visual fotografi sebagai visual pada reka bentuk kulit buku:

- i. Visual fotografi berperanan untuk memberi hebahan, gambaran dan menjelaskan kepada khalayak sasaran mengenai keseluruhan penceritaan pada sesebuah buku. Sasaran khalayak mudah mengenali visual yang disampaikan melalui penggunaan visual fotografi kerana ia menyampaikan maksud secara tepat dan jelas.
- ii. Visual fotografi berperanan mencetus, mempengaruhi dan menarik perhatian sasaran khalayak untuk memilih dan membaca sesuatu bahan bacaan. Penampilan visual fotografi mewujudkan keseronokan khalayak sasaran untuk membelek-belek dan melihat reka bentuk kulit buku. Penampilan visual fotografi memberi kejelasan maksud gambaran imej sebenar kepada khalayak sasaran.
- iii. Visual fotografi berperanan menjelaskan situasi, konsep dan idea kepada khalayak sasaran yang melihat reka bentuk kulit buku. Penampilan visual fotografi berupaya mewujudkan suasana kejadian sebenar penceritaan yang cuba hendak disampaikan kepada khalayak.
- iv. Visual fotografi berperanan memudahkan khalayak sasaran untuk membezakan setiap kategori buku yang berada di pasaran. Pengecaman amat mudah dilakukan kerana khalayak dengan mudah mengenali visual fotografi yang ditampilkan pada reka bentuk kulit buku.

Berdasarkan kepada huraian peranan dan kepentingan penggunaan dan penampilan visual ilustrasi dan visual fotografi terhadap reka bentuk kulit buku, adalah amat penting bagi setiap khalayak sasaran untuk memahami setiap maksud yang hendak disampaikan. Setiap peranan visual ilustrasi dan fotografi adalah suatu kaedah penyampaian cerita dan maksud yang mempunyai implikasi terhadap kejayaan sesebuah pasaran buku.

#### KEMUDAHBACAAN VISUAL ILLUSTRASI DAN FOTOGRAFI

Kemudahanbacaan khalayak penting seawal proses pemilihan buku. Khalayak sasaran akan melihat dan membelek-belek buku semasa peringkat awal pemilihan buku. Reka bentuk kulit buku merupakan elemen pertama yang dilihat kerana ia menjadi penampilan utama dan terawal bagi sesebuah buku. Sehubungan itu, segala maklumat dan penceritaan awal perlu disampaikan melalui reka bentuk kulit buku. Ia perlu mudah dan jelas diterima oleh khalayak sasarannya. Richard dan Caroline et al. (2010) menyatakan bahawa proses awal pemilihan sangat penting. Ini adalah kerana semasa peringkat awal proses pemilihan buku, khalayak sasaran akan melalui proses mengamati, melihat dan belek-membelek sesebuah buku itu sebelum membuat pilihan yang tepat. Tingkah laku ini dilakukan secara spontan bertujuan untuk memperolehi gambaran bagi mengetahui penceritaan awal keseluruhan isi kandungan sesebuah buku tersebut.

Kemudahbacaan khalayak pada reka bentuk kulit buku berkait rapat dan saling berhubungan terhadap penampilan visual ilustrasi dan visual fotografi. Kepentingan ini juga disokong oleh Monica dan Forbes (2000) yang menyatakan visual dan tipografi berperanan penting sebagai media komunikasi kepada sasaran pembacanya. Jika wujud unsur-unsur kekeliruan dalam menyampaikan mesej yang tidak berkesan, ini akan memberi kesan terhadap penerangan awal isi kandungan serta penceritaan. Implikasinya mesej dan maklumat tidak dapat difahami dengan tepat. Situasi ini menyebabkan kemudahbacaan khalayak terhadap buku tersebut tidak akan dapat dicapai. Hal ini turut disokong oleh Nadzri (2014) yang menyatakan bahawa keberkesanan visual khususnya imej fotografi hanya berupaya dicapai apabila mempunyai ciri-ciri mudah, jelas dibaca dan difahami. Mesej yang diperolehi mudah ditafsir dan tidak bersifat kompleks untuk diteliti dengan terperinci.

Nathalie (2011) pula menyatakan bahawa kemudahbacaan adalah sesuatu yang melibatkan pandangan dan persepsi khalayak. Ia melibatkan anggapan dan persepsi visual pembaca untuk melihat, membaca, menilai serta memahami. Apabila pembaca berkemahiran untuk mentafsir, memahami serta menganalisis penampilan visual, ia bermaksud bahawa pembaca telah dapat menguasai aspek kemudahbacaan visual tersebut.

Kemudahbacaan khalayak terhadap sesebuah bahan penerbitan berjaya dicapai apabila khalayak sasaran berupaya memahami mesej dengan tepat dan jelas atas apa yang hendak disampaikan. Justeru itu, untuk menentukan kejayaan kemudahbacaan khalayak terhadap bahan bacaannya, setiap penerbitan perlu melalui suatu proses kerja yang teratur dan teliti. Pelbagai faktor perlu diambil kira bermula daripada proses awal penerbitan sesuatu bahan bacaan itu hinggalah proses memasarkannya iaitu proses untuk mempengaruhi kumpulan khalayak sasarannya.

Kemudahbacaan khalayak terhadap visual iaitu visual ilustrasi dan fotografi, boleh dijelaskan sebagai suatu persepsi dan pemahaman khalayak sasaran. Kemudahbacaan khalayak terhadap visual merujuk kepada tafsiran maksud visual ilustrasi dan fotografi yang dilihat pada reka bentuk kulit buku. Tafsiran maksud merangkumi faktor kejelasan imej, carta, gambar, rajah ataupun imej-imej grafik yang dipersembahkan kepada khalayak. Justeru itu, kemudahbacaan khalayak terhadap visual melibatkan aktiviti ketika mengenali dan mentafsir visual dengan mudah dan tepat. Pemilihan dan penggunaan visual ilustrasi dan fotografi yang baik dapat membantu dan memudahkan sasaran khalayak untuk memahami mesej visual yang hendak disampaikan dan ia dapat dilakukan dengan pantas.

Kemudahbacaan khalayak terhadap visual ilustrasi dan visual fotografi adalah penting terutama kepada khalayak yang mengalami permasalahan dalam memahami maksud dan aktiviti pembacaan. Kemudahbacaan visual ilustrasi dan fotografi yang baik berupaya membantu untuk mencetus nilai motivasi kepada khalayak agar minat untuk melihat dan melakukan aktiviti pembacaan. Kemudahbacaan khalayak terhadap visual ilustrasi dan visual fotografi memberi implikasi terhadap proses mengingat sesuatu bahan bacaan itu dengan mudah terutama untuk masa akan datang.

#### KAJIAN LITERATUR

Masih lagi kurang penyelidikan yang dijalankan bagi mengetahui kemudahbacaan visual ilustrasi dan fotografi pada reka bentuk kulit buku. Justeru itu, kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengenal pasti peranan visual ilustrasi dan fotografi dalam mempengaruhi kemudahbacaan khalayak. Kemahiran untuk mentafsir, memahami dan menganalisis maklumat serta gambaran awal isi kandungan buku melalui reka bentuk kulit buku bukanlah satu situasi yang mudah. Proses dan situasi ini penting kerana ia bakal menentukan

kemudahanbacaan khalayak terhadap reka bentuk kulit buku sama ada ianya dapat dicapai ataupun sebaliknya.

Terdapat penyelidikan yang pernah dijalankan dengan melibatkan tindak balas khalayak sasaran terhadap reka bentuk kulit buku. Kajian Massey (2005) mendapati bahawa setiap penampilan kulit buku kepada khalayak sasaran mempunyai peranan dan daya tarikan yang tersendiri. Kulit buku yang direka dan ditampilkan dengan reka bentuk yang menarik berupaya mencetus, mendorong dan mempengaruhi minat khalayak sasaran untuk melakukan aktiviti pembacaan. Ini sekaligus menjelaskan bahawa reka bentuk kulit buku bukan sahaja berperanan menjadi pelindung dan memelihara sesebuah buku, ia juga merupakan elemen yang sangat penting pada sesebuah buku. Justeru itu reka bentuk kulit buku didapati berperanan mempengaruhi minat khalayak untuk membaca. Menurutnya lagi, reka bentuk kulit buku menjadi mekanisme kepada setiap perpustakaan kerana peranannya telah memudahkan khalayak sasaran untuk membuat perbezaan kategori, pemilihan dan pencarian buku-buku pada rak buku.

Jill (2012) menyatakan bahawa apabila seseorang khalayak mengambil sesebuah buku di rak pameran, dia sebenarnya sedang dipengaruhi oleh penampilan dan daya tarikan daripada reka bentuk kulit buku itu sendiri. Adalah penting bagi setiap penampilan reka bentuk kulit buku untuk memenuhi citarasa dan kehendak khalayaknya. Jika ia tidak berupaya untuk memenuhi citarasa, minat terhadap buku itu tidak akan wujud dan buku tersebut akan diletakkan semula ke rak pameran. Ini menunjukkan setiap reka bentuk kulit buku perlu mempunyai daya tarikan bagi mempengaruhi khalayak sasarannya. Menurutnya lagi, penggunaan dan persembahan reka bentuk kulit buku perlu bertepatan dan bersesuaian dengan isi kandungan buku. Daya tarikan yang terdapat pada reka bentuk pasti akan memaksa dan memujuk khalayak sasaran untuk memilih dan membelek-beleknnya.

Kepentingan reka bentuk kulit buku juga ada dinyatakan oleh Carol (2008). Menurutnya, khalayak sasaran akan mengambil tempoh jangkaan masa untuk membelek-belek reka bentuk kulit buku selama 8 saat. Jangkamasa selama 15 saat pula diperlukan untuk melihat dan membelek-belek pada bahagian belakang buku. Proses ini akan bertambah jangka masanya jika terdapat elemen yang berupaya menarik perhatian mereka. Ini menjelaskan bahawa setiap kali khalayak sasaran membelek-belek sesebuah buku bermakna bermulanya proses penilaian, persepsi dan anggapan bagi setiap khalayak sasaran. Segala elemen penting dalam reka bentuk kulit buku perlu memainkan peranannya agar dapat mempengaruhi khalayak sasarannya.

Komunikasi secara visual dilakukan pada setiap hari dan telah menjadi nadi dalam kehidupan seharian kita sejak dahulu lagi sama ada peranannya disadari atau tidak. Christine (1999) menerangkan bahawa masyarakat tidak menghiraukan kehadiran dan kepentingan visual dalam komunikasi sehariannya. Ini membuktikan bahawa visual telah wujud dalam kehidupan masyarakat sejak dahulu lagi tetapi tidak dimanfaatkan kehadirannya.

Penggunaan visual sebenarnya membantu mencetus nilai motivasi kepada khalayak sasaran agar lebih berminat terhadap pembacaan. Kemudahanbacaan visual merupakan pemahaman dan penerimaan khalayak sasaran terhadap penampilan visual. Penerimaan visual meliputi kejelasan imej, gambar dan penampilan grafik yang dipersembahkan. Ia adalah proses dan situasi mengenali dan menafsirkan visual dengan tepat. Menurut Widad dan Lee (2004), visual merujuk kepada keupayaan minda dan deria mata untuk melihat sesebuah objek atau simbol seterusnya berfikir dalam dua atau tiga dimensi di dalam minda.

Kajian Lauren et al. (2006) turut menyatakan kepentingan visual terhadap reka bentuk kulit buku. Menurutnya, reka bentuk kulit buku lazimnya merupakan elemen pertama yang diamati oleh khalayak sasaran apabila setiap kali memilih buku. Reka bentuk kulit buku berperanan untuk mempengaruhi tingkahlaku, emosi dan tindakan khalayak sasaran semasa proses pemilihan buku ini. Kepentingan reka bentuk kulit buku bermula seawal penerbitan sesebuah buku. Pada ketika itu banyak faktor diambilkira termasuklah faktor penggunaan visual sama ada ilustrasi ataupun fotografi yang paling sesuai digunakan, penggunaan warna, muka huruf tipografi, nama penulis atau tajuk buku. Kesemua faktor tersebut menjadi elemen utama ketika proses merekabentuk sesebuah kulit buku.

#### METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan segala bentuk penelitian, nilai, tanggapan serta dapatan data yang diperolehi dihuraikan dengan jelas dan terperinci secara deskriptif dan inferensi. Othman (2007) menyatakan bahawa penyelidikan kualitatif merupakan suatu kaedah penyelidikan yang bersifat interpretatif verbal. Chua (2006) menjelaskan bahawa pendekatan interpretatif merupakan suatu kaedah yang bersesuaian untuk menjelaskan secara huraian terhadap sesuatu fenomena secara verbal berbanding dengan huraian yang melibatkan pengiraan angka.

Pendekatan kualitatif ini menggunakan kaedah perbincangan kumpulan fokus. Ia memudahkan proses pengumpulan data dan proses menganalisis data. Data diperolehi melalui perbincangan, perbahasan, serta pemerhatian. Melalui sesi perbincangan ini segala maklumat terperinci dikumpul secara serentak dan reka bentuknya lebih bersifat fleksibel. Proses awal penyelidikan dimulakan dengan memilih dan mengenal pasti kumpulan fokus yang bersesuaian. Kriteria pemilihan sampel kajian untuk kumpulan fokus ini adalah mereka yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan asas terhadap reka bentuk kulit buku agar ia berupaya menjadi sumber informasi bagi keperluan penyelidikan.

Sampel untuk kumpulan fokus yang dikenalpasti dalam penyelidikan ini adalah 4 orang pereka-pereka grafik dan 4 orang pensyarah di Jabatan Seni Reka Grafik & Media Digital UiTM Perak. Mereka dipilih berdasarkan kepakaran dan pengalaman dalam bidang asas reka bentuk grafik khususnya reka bentuk kulit buku. Sesi perbincangan dijalankan secara serentak dan bersama-sama dengan penyelidik sebagai pentadbir bagi mendapatkan pandangan, persepsi, pendapat dan data-data secara terus.

Terdapat dua contoh reka bentuk kulit buku yang dibincangkan seperti dalam Rajah 1 untuk mendapat pandangan mereka terhadap reka bentuk kulit buku yang melibatkan dua isu penting iaitu visual ilustrasi dan fotografi pada reka bentuk kulit buku.





Rajah 1: Contoh reka bentuk kulit buku menggunakan visual ilustrasi dan fotografi.

Buku tersebut merupakan terbitan Bahagian Penerbitan Dasar Negara, Jabatan Penerangan Malaysia. Buku bertajuk Hadiah PM Najib Untuk Rakyat menggunakan visual ilustrasi pada reka bentuk kulit bukunya. Manakala buku bertajuk *Still The Greatest Malaysian* menggunakan visual fotografi pada reka bentuk kulit bukunya. Kedua-dua visual dalam reka bentuk kulit buku ini adalah merupakan tokoh pemimpin negara Malaysia suatu ketika dahulu iaitu Dato' Sri Haji Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak dan Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj.

#### PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian mendapati gaya penyampaian mesej yang kurang berkesan akan memberi kesan yang tidak baik iaitu ia mempengaruhi faktor pemilihan bahan bacaan khalayak sasaran. Faktor kekeliruan yang wujud pada maksud dan tafsiran akan menyumbang kepada ketidaksampaian maksud awal isi kandungan dan penceritaan sesebuah buku. Kesan daripada situasi ini menyebabkan faktor kemudahbacaan terhadap reka bentuk kulit buku tidak dapat dicapai dengan berkesan. Ia menyebabkan khalayak sasaran tidak berupaya untuk memahami mesej dan maklumat dengan tepat. Akhirnya situasi ini membawa kepada keputusan khalayak sasaran tidak berminat untuk membaca buku itu, meneruskan pembacaan apatah lagi untuk memiliki bahan bacaan tersebut.

Dapatan hasil kajian ini juga telah berjaya membuktikan beberapa perkara penting mengenai peranan visual ilustrasi dan fotografi pada reka bentuk kulit buku dan juga kemudahbacaan khalayak terhadap visual ilustrasi dan fotografi. Analisis yang telah dijalankan adalah bagi mencapai matlamat dan objektif kajian serta persoalan kajian dalam penyelidikan ini.

#### ANALISIS KEMUDAHBACAAN VISUAL ILLUSTRASI DAN FOTOGRAFI

Dapatan kajian menghuraikan reka bentuk kulit buku dan kemudahbacaan visual ilustrasi serta fotografi pada reka bentuk kulit buku. Analisis kajian mendapati bahawa:

- i. *Daya tarikan reka bentuk kulit buku berupaya mencetus kemudahbacaan khalayak.*

Reka bentuk kulit buku sememangnya mempengaruhi minat khalayak sasaran. Ini kerana pelbagai informasi diperolehi melalui reka bentuk kulit buku. Khalayak

sasaran semestinya mengharapkan kemudahbacaan pada reka bentuk kulit buku bagi mendapat gambaran awal mengenai isi kandungan buku. Justeru itu, penampilan reka bentuk kulit buku yang menarik berupaya mencetus keinginan dan minat khalayak untuk meneruskan pembacaannya. Visual ilustrasi mahupun fotografi pada reka bentuk kulit buku perlu disampaikan dengan penampilan yang menarik dan yang paling penting ia berupaya menjadi daya tarikan pada buku. Mesej yang hendak disampaikan perlu tepat dan mudah ditafsirkan. Sehubungan itu, faktor kemudahbacaan dan daya tarikan saling berhubungan dan berkaitan di antara satu sama lain. Kemudahbacaan dipengaruhi oleh daya tarikan manakala daya tarikan pula memenuhi kriteria kemudahbacaan.

ii. *Kepentingan kemudahbacaan khalayak terhadap visual pada reka bentuk kulit buku.*

Penampilan visual pada reka bentuk kulit buku adalah penting kerana ia berupaya menjadi sebagai daya tarikan terutama ketika proses awal khalayak sasaran membuat pilihan pembacaannya. Penampilan visual berupaya mencetus minat, memujuk dan seterusnya mempengaruhi khalayak membuat pilihan. Visual berperanan menjadi faktor daya tarikan kepada khalayak sasaran. Reka bentuk kulit buku menjadi lebih menarik melalui penampilan visual. Penampilan visual ilustrasi dan fotografi berupaya menjadikan penceritaan isi kandungan buku menjadi lebih berkesan, menyeronokkan, mudah, tepat dan pantas. Visual yang mudah difahami berupaya untuk mempengaruhi khalayak sasaran dan ini sekaligus memudahkan proses pemilihan sesuatu bahan bacaan. Visual merupakan elemen yang pantas dan efektif dalam menyampaikan mesej dan penceritaan. Kehebatan visual ialah apabila ia berjaya menceritakan dan menggambarkan keseluruhan penceritaan buku itu dengan hanya melihat visual pada reka bentuk kulit bukunya. Apabila ini terjadi bermakna kemudahbacaan visual pada reka bentuk kulit buku tersebut dapat dicapai.

iii. *Penampilan visual fotografi pada reka bentuk kulit buku lebih mudah menarik minat dan perhatian khalayak sasaran.*

Dapatan kajian juga mendapati bahawa visual fotografi lebih mudah untuk menarik perhatian khalayak semasa awal pemilihan buku. Visual ilustrasi merupakan hasil-hasil lukisan yang dilukis berdasarkan kepada penceritaan sebenar. Kelemahan terhadap penggunaan visual ilustrasi pada reka bentuk kulit buku ialah ia berpotensi untuk mengelirukan maksud dan mesej yang hendak disampaikan. Warna pada ilustrasi tidak sebaik dan sehebat penampilan visual fotografi. Berikut adalah beberapa huraian yang mendapati bahawa visual fotografi lebih mudah menarik perhatian khalayak sasaran semasa awal pemilihan buku:

a. Menjadi daya tarikan yang baik pada reka bentuk kulit buku.

Setiap penampilan buku memerlukan daya tarikan agar ia berupaya mempengaruhi khalayak sasarannya. Penampilan visual berupaya menjadi daya tarikan dan nadi bagi setiap rekaan pada reka bentuk

kulit buku. Ini adalah kerana proses awal pemilihan sesuatu bahan bacaan merupakan suatu situasi yang amat penting dan sukar bagi setiap khalayak. Penggunaan visual fotografi pada reka bentuk kulit buku lebih banyak menyumbang kepada faktor daya tarikan berbanding visual ilustrasi. Visual fotografi memberi implikasi yang lebih baik terhadap khalayak sasarannya.

- b. Menjadi pencetus emosi dan reaksi yang baik kepada khalayak sasaran.

Penampilan visual fotografi berupaya mencetus tindakbalas emosi dan reaksi kepada khalayak sasaran. Penggunaan warna lebih menyerlah melalui visual fotografi. Visual fotografi juga memberi kesan memori dan pengecaman yang baik dan berkesan terhadap khalayak sasaran. Penampilan visual pada reka bentuk kulit buku telah memudahkan khalayak untuk mengingat sesebuah buku. Visual dapat memberi kesan yang berpanjangan terhadap memori khalayak sasaran. Ini memberi kelebihannya untuk diperkenalkan kepada khalayak yang lain.

- c. Memberi ketepatan dan kejelasan maksud.

Kaitan dan hubungan di antara khalayak dengan buku amat penting. Penampilan visual fotografi pada reka bentuk kulit buku telah memudahkan pelbagai urusan komunikasi di antara kedua-dua pihak ini iaitu khalayak dengan reka bentuk kulit buku. Ia juga berperanan sebagai alat perhubungan komunikasi yang baik di antara khalayak sasaran dengan sesebuah buku. Visual fotografi berfungsi lebih baik kerana ketepatan dan kejelasan gambarnya, ia senang dikenali dan mudah ditafsirkan maksudnya. Pengecaman melalui visual fotografi dapat dilakukan dengan mudah. Khalayak dapat menafsir maksud dengan tepat dan pantas.

- iv. *Impak memori kepada sasaran khalayak.*

Visual berperanan memberi kesan memori yang baik dan berkesan terhadap khalayak. Penampilan visual pada reka bentuk kulit buku memudahkan khalayak untuk mengingat penerbitan sesebuah buku itu. Visual berupaya memberi kesan yang berpanjangan terhadap memori khalayak yang memberi kelebihannya untuk diperkenalkan kepada khalayak yang lain.

#### IMPLIKASI DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian yang diperolehi ini membawa implikasi yang berguna terutamanya kepada beberapa pihak yang mempunyai kepentingan ke atas faktor dan aspek-aspek yang tertentu. Pihak-pihak yang akan mendapat manfaat dan implikasi daripada penyelidikan ini adalah seperti yang disenaraikan ini:

- a) Industri penerbitan buku-buku di Malaysia.  
Penyelidikan ini mampu memberi panduan dan rujukan terhadap industri penerbitan untuk menghasilkan suatu reka bentuk kulit buku yang bertepatan dengan khalayak sasaran sekaligus mengambil kira kemudahbacaan serta kebolehbacaan khalayak. Ia membantu para penerbit-penerbit serta pereka-pereka grafik dalam menghasilkan reka bentuk kulit buku yang baik dan berkualiti.
- b) Industri pendidikan di Malaysia.  
Penyelidikan ini mampu menjadi rujukan dan panduan kepada para pendidik dan juga pelajar-pelajar di semua peringkat institusi pendidikan sama ada di peringkat sekolah mahupun di peringkat universiti.
- c) Kementerian Penerangan Komunikasi dan Multimedia Malaysia.  
Menjadi rujukan dan panduan kepada pihak kementerian agar segala penerbitannya yang melibatkan dasar dan falsafah negara mencapai tahap reka bentuk kulit buku yang berkualiti.

#### KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapatan kajian telah menjelaskan beberapa huraian, pandangan dan pendapat mengenai kemudahbacaan visual ilustrasi dan fotografi pada reka bentuk kulit buku. Visual fotografi didapati lebih mudah untuk menarik perhatian khalayak sasaran berbanding dengan penampilan visual ilustrasi pada reka bentuk kulit buku.

Reka bentuk kulit buku merupakan nadi utama kepada setiap buku yang diterbitkan dan visual ilustrasi dan visual fotografi, kedua-duanya mempunyai kepentingan pada reka bentuk kulit buku. Penampilan visual ilustrasi dan visual fotografi berperanan menjelaskan konsep, idea, tema dan kategori penerbitan buku. Kegagalan menampilkan persembahan visual yang baik dan menarik akan mengakibatkan kegagalan sesebuah buku itu mendapat perhatian khalayak sasaran. Ia menjadi media komunikasi yang terbaik kepada khalayak sasaran kerana boleh mencetus minat dan mempengaruhi pemilihan sesebuah buku. Susun atur dan reka letak visual pada reka bentuk kulit buku telah menyumbang kepada kaedah komunikasi yang menarik dan berkesan kepada khalayaknya. Maklumat dan mesej awal lebih mudah, cepat dan lebih jelas untuk diperolehi dan difahami melalui penampilan visual. Komunikasi menjadi lebih mudah, lancar dan pantas malah ia menjadi lebih menarik serta lebih berkesan dalam menyampaikan mesej kepada khalayak sasaran.

Visual ilustrasi dan fotografi berupaya menjadi panduan kepada khalayak sasaran terutama ketika proses pemilihan buku. Ia telah memudahkan dan mempercepatkan proses mengenal pasti, menilai serta membeza-bezakan buku-buku di pasaran mengikut kategorinya. Penampilan visual fotografi pada reka bentuk kulit buku didapati sangat mudah, cepat untuk difahami dan sungguh berkesan terhadap kemudahbacaan khalayak berbanding dengan visual ilustrasi. Visual fotografi lebih digemari dan mendapat perhatian khalayak sasaran berbanding dengan visual ilustrasi. Kualiti visual fotografi yang baik dan faktor daya tarikan pada kejelasan gambar dan warna menjadikan visual fotografi lebih digemari pada penampilan reka bentuk kulit buku.

Kemudahanbacaan khalayak dapat dicapai apabila berlakunya proses khalayak sasaran dapat memahami dan menafsir maksud yang hendak dengan jelas, tepat dan pantas melalui hebahan daripada reka bentuk kulit buku. Pemahaman dan pembacaan dapat dilakukan dengan lancar tiada mengalami kesulitan, keraguan dan kekeliruan. Susun atur dan reka letak visual dan tipografi memainkan peranan yang penting dalam menentukan kejayaan penampilan reka bentuk kulit buku mudah dan senang difahami. Apabila kemudahanbacaan khalayak berupaya dicapai melalui penampilan reka bentuk kulit buku, ia akan mencetus minat khalayak untuk menjadikannya sebagai bahan bacaan pilihan.

#### CADANGAN KAJIAN MASA DEPAN

Terdapat juga segelintir khalayak yang kurang prihatin terhadap kepentingan reka bentuk kulit buku. Tanpa disedari ia memberi implikasi terhadap proses pemilihan awal bahan bacaan. Reka bentuk kulit buku menjadi penghubung dan pengantara yang penting di antara khalayak sasaran dengan buku. Ini telah membuktikan kepentingan reka bentuk kulit buku terhadap khalayak sasaran. Elemen penting dalam reka bentuk kulit buku iaitu visual telah menjelaskan peranan pentingnya terhadap faktor proses pemilihan awal buku. Visual fotografi memberi kesan yang lebih baik terhadap penampilannya pada reka bentuk kulit buku berbanding dengan penampilan visual ilustrasi.

Penyelidikan ini telah menganalisis perkaitan di antara kemudahanbacaan khalayak terhadap visual ilustrasi dan fotografi pada reka bentuk kulit buku. Penyelidikan ini berupaya menjadi panduan dan rujukan kepada mereka yang terlibat di dalam penerbitan buku, pereka grafik, industri pendidikan negara seterusnya terhadap industri penerbitan negara. Cadangan penyelidikan ini melibatkan isu penting kemudahanbacaan khalayak iaitu kemudahanbacaan khalayak terhadap visual ilustrasi dan fotografi pada reka bentuk kulit buku. Pada masa-masa akan datang perlu ada penyelidikan yang membentangkan jenis atau kategori visual-visual fotografi yang memberi kelebihan mempengaruhi penampilan reka bentuk kulit buku. Cadangan kajian di masa hadapan juga perlu memberi perhatian terhadap faktor penampilan reka bentuk kulit buku yang melibatkan faktor susun atur dan reka letak visual.

#### BIODATA

*Hanafi Mohd Tahir* adalah pensyarah di Jabatan Seni Reka Grafik & Media Digital, Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Perak. Kepakaran beliau adalah dalam bidang Rekabentuk Grafik, Rekabentuk Periklanan, Rekabentuk Ilustrasi dan Rekabentuk Identiti Korporat. Emel: hanafimt@gmail.com

*Normah Mustaffa* adalah Profesor Madya dalam bidang kewartawanan di Pusat Komunikasi dan Masyarakat Digital, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Fokus penyelidikan beliau menjurus kepada kewartawanan, komunikasi visual, media baharu dan literasi media. Emel: normahm@ukm.edu.my

*Wan Amizah Wan Mahmud* adalah Profesor Madya di Pusat Komunikasi dan Masyarakat Digital, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Fokus penyelidikan beliau menjurus kepada dasar media dan komunikasi, penapisan filem, sistem penyiaran dan terjemahan. Emel: wan\_amizah@ukm.edu.my

#### RUJUKAN

- Aidah Alias, Nadzri Mohd Sharif, Nor Fariza Baharuddin, Meor Hasmadi Meor Hamzah, & Farihan Zahari (2016). Penerokaan kesan pengajaran dan pembelajaran menggunakan visual imej dalam kalangan pelajar cacat pendengaran. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32(1), 335-350.
- Alias Bohari. (2006). *Top 7 most important items for book cover*. Diambil daripada <http://top7business.com/?Top-7-Most-Important-Items-For-Book-Cover&id=1631>
- Carol, D. (2008). *A book inside, how to write, publish, and sell your story*. USA: Plain & Simple Book.
- Christine, S. C. (1999). Elemen-elemen dalam desian komunikasi visual. *Jurnal Desain Komunikasi Visual Nirmana*, 1(1).
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah penyelidikan/buku 1*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (M'sia).
- Jill, R. (2012). *10 steps to publish & succeed: How to put your best book forward*. BC, Canada: Blue Star Press.
- Lauren, P. (2006). Never judge a book by its cover. *A Visual Argument*. WRA 360.
- Massey, T. (2005). The best dressed book in Academe. *ASSOCIATES*, 11(3). Diambil daripada <http://associates.ucr.edu/305fmas.htm>
- Monica, L., & Forbes, G. (2000). The role of visual rhetoric in the design and production of electronic books: The visual book. *The Electronic Library*, 18(3), 190-201.
- Mostafa Zamanian, & Pooneh Heydari. (2012). Readability of text: State of the art. *Theory and Practice in Language Studies*, 2(1), 43-53.
- Nathalie, D. (2011). The influence of typographic features on legibility: What type designers wish they could learn from. *International Conference on Document Analysis and Recognition, Design & Computer Art*, Concordia University.
- Nadzri Mohd Sharif, Mohd Nor Shahrizan Ali, & Mohd Yusof Hj Abdullah. (2014). Literasi visual dalam imej digital fotografi forensik penyiasatan. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 30(Special Issue), 159-176.
- Normah Mustaffa, & Faridah Ibrahim. (2018). Pembungkahan visual berita krisis Lahad Datu. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(1), 170-184.
- Othman Lebar. (2007). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjung Malim: UPSI.
- Richard, W., & Caroline, W. (2010). Judging a book by its cover: The unconscious influence of pupil size on consumer choice. *Perception*, 39(10), 1417-1419.
- Sharifah Fatimah. (2010). *Judging a book by its cover: Paratextual device employed in Blyton's books in Malay*. International Conference on Translation and Multiculturalism, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sharil Nizam Sha'ri, & Akmar Hayati Ahmad Ghazali. (2017). Dalam Mohamad Suhaizi Suhaimi, Mohd Hazreen Shah Bin Hassan, & Norul Haida Redzuan (pynt.), *Judul dan Blurb buku ilmiah*. Diambil daripada <http://conference.kuis.edu.my>
- Widad Othman, & Lee Ming Foong. (2004). Pembelajaran lukisan kejuruteraan berteraskan visualisasi: Keupayaan pelajar dalam penyelesaian masalah. *Proceeding of National Conference on Graduate Research in Education: Penyelidikan Berkualiti Tunjang Kecemerlangan Pendidikan*, 11 September 2004, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Zamanian, M., & Heydari, P. (2012). Readability of text: State of the art. *Theory and Practice in Language Studies*, 2(1), 43-53.